

## **Safe School : Konsep dan Implimentasinya Di Sekolah**

**Tn. Hj. Sufaat Tumin**

*(Pengetua SMK Adela Kota Tinggi)*

**Azman bin Adnan**

*(Pen. Kanan, SMK Adela Kota Tinggi)*

### **Pendahuluan**

Kejadian rogol, cabul, gangsterisme, dan membakar sekolah oleh pelajar yang semakin menjadi-jadi kebelakangan ini menimbulkan persoalan mengenai tahap keselamatan di sekolah dan juga di luar kawasan sekolah. Laporan akhbar tahun 1999 dan 2000 antara lain menyebut kes seorang pelajar tahun 2 sebuah sekolah di Sentul diraba kemaluannya oleh seorang lelaki di tandas sekolah, seorang pelajar perempuan sebuah sekolah di Kampung Baru dirogol di tandas sekolahnya, seorang lelaki Ng Teck Ker mengamuk di perkarangan sebuah sekolah di Tg. Sepat Banting dengan bersenjatakan parang dan menetak 6 orang pelajar, pencolekan Tin Seong Sheng yang dipercayai dicolek ketika pulang dari sekolah, kes Audrey Melissa Batinathan, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist Kuala Lumpur, 17 tahun, yang dibunuh selepas dirogol ketika dalam perjalanan ke sekolah dan kes membakar sekolah oleh pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 19 Shah Alam, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Aminuddin Baki Kuala Lumpur adalah antara senario kes yang menggambarkan situasi sekolah di negara kita yang masih kurang selamat.

Pendedahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan melalui kajian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (EPRD) pada 28 Mac 2000 yang lalu mengenai pembabitkan pelajar dalam kegiatan gengsterisme sebagaimana yang dilaporkan dalam "Kajian Gengsterisme di Sekolah Menengah Harian" menambah keyakinan umum bahawa gejala ini merupakan fenomena yang amat meresahkan dan mengancam keselamatan pelajar dan guru di sekolah. Sebanyak 459 daripada

1560 buah sekolah di seluruh negara menghadapi risiko yang tinggi terdedah kepada perlakuan jenayah di kalangan pelajarinya seperti mencuri, mencabul, mengugut, merogol, dan membunuh. (Dewan Masyarakat : Jun 2000)

Sebelum ini pelbagai laporan kes buruk sudah dilaporkan membabitkan pelajar dan sekolah seperti guru diserang pelajar dan ibu bapa, pelajar dipukul di depan pagar sekolah, perbuatan samseng serta lain-lain perbuatan yang dianggap mengancam keselamatan institusi sekolah. Kes-kes keruntuhan moral dan akhlak dan insiden-insiden kemalangan yang meragut nyawa pelajar sentiasa diberi liputan yang meluas. Turut mendapat perhatian ialah kes-kes berhubung kejadian kebakaran dan dakwaan - dakwaan jenayah atau sivil yang dikenakan ke atas pentadbir dan guru-guru di sekolah.

Pelbagai perdebatan yang masing-masing menyalahkan pihak lain mengenai keadaan disiplin dan keselamatan sekolah membabitkan ibu bapa, Kementerian Pendidikan, polis dan persatuan ibu bapa tercetus ekoran berlakunya insiden-insiden ini. Pelbagai cadangan dan tindakan dibuat untuk mengatasi masalah berkenaan tetapi sehingga kini masalah keselamatan sekolah dan disiplin, terutama pelajar-pelajar sekolah masih tiada penghujungnya.

Justeru, penulisan ini akan menghuraikan tentang apa yang dikatakan sebagai konsep sekolah selamat (*safe school*) dan bagaimana sebagai pengetua sekolah, kita bertanggungjawab dan mampu untuk mewujudkan keadaan sekolah yang lebih selamat pada masa kini dan akan datang.

## Definisi dan Konsep Sekolah Selamat (*Safe School*)

Ronald D. Stephens (1996) mendefinisikan sekolah selamat ialah tempat pelajar-pelajar dapat belajar dan guru dapat mengajar dalam suasana yang selesa dan bebas dari persekitaran yang menakutkan. Ia juga merupakan tempat di mana iklim pembelajaran dapat menggalakkan penerimaan semangat dan perlindungan bagi setiap kanak-kanak.


School Guide for State of California dalam artikelnya "*The Safe School Challenge*" mentakrifkan sekolah yang selamat sebagai tempat yang aman di mana pelajar-pelajar dan guru bebas untuk belajar dan mengajar tanpa sebarang ancaman fizikal dan psikologikal. Ciri-cirinya ialah menghormati dan prihatin kepada semua individu termasuk mereka yang berlainan latar belakang kaum dan budaya, tiada persekitaran keganasan, jangkaan tingkah laku yang jelas, dasar mengenai disiplin yang konsisten dan adil, komitmen pelajar terhadap sekolah, sokongan dan penguatkuasaan untuk tingkah laku yang positif dan semangat bermasyarakat di sekolah, mempunyai prosedur keselamatan yang pro aktif, dan mampu membangunkan pelan tindakan kecemasan, penyenggaraan masa, kebersihan dan keceriaan di sekolah dan bilik darjah.

Kunci sekolah yang selamat ialah wujudnya suasana yang mementingkan ramah mesra, persekitaran yang sentiasa memberi sokongan, wujudnya satu garis panduan yang jelas tentang tingkah laku yang bersesuaian dan ia hendaklah adil serta berterusan. (Dick Young : 1999)

Menurut The National Education Association of the United States (NEA) (1996) sekolah yang selamat (*safe school*) ialah sekolah yang mempunyai iklim pembelajaran yang selamat serta tingkah laku pelajar yang sihat. Ia juga mempunyai fokus akademik yang kukuh, sentiasa menyokong pelajar mencapai

standard yang tinggi, dapat mewujudkan hubungan yang positif antara guru dan pelajar di samping dapat membawa penglibatan ibu bapa dan masyarakat ke arah yang lebih bermakna. Sekolah yang selamat juga adalah sekolah di mana guru, staf dan pelajar-pelajarnya selamat daripada sebarang keganasan dari segi fizikal, mental dan psikologi. Keganasan yang dimaksudkan ialah sebarang tingkahlaku bermasalah yang serius serta emosi yang ditunjukkan oleh pelajar. Ini termasuklah tingkah laku agresif yang serius, serangan berbentuk fizikal, membunuh diri, penggunaan dadah dan lain-lain tingkah laku personal yang berbahaya.

NEA merumuskan **Sekolah Selamat = Masyarakat Selamat + Keluarga Selamat**. Jika kita mengharapkan sesebuah sekolah itu selamat, kita mestilah merujuk kepada keselamatan dalam masyarakat dan keluarga. Ini adalah kerana sekolah merupakan tempat di mana pelajar-pelajar berkumpul untuk belajar, bersosial serta berdepan dengan pelbagai masalah yang mereka bawa ke sekolah daripada masyarakat dan keluarga mereka sendiri.



Rajah 1 : Model '*Safe School*'

Sumber : National Education Association. (1996). *Safe School Manual*. NEA : United States. Hlm. 3

Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2000 pula menghuraikan sekolah yang selamat sebagai "sekolah sentiasa selamat dan bebas daripada insiden-insiden yang tidak diinginkan seperti murid diugut, diculik, diperkosa, penglibatan dalam dadah, perlakuan ala-gangster dan melibatkan diri dalam kegiatan gangster atau "*triad society*".

Sekolah belum cukup selamat sekiranya aspek peraturan dan undang-

undang tidak diambil kira. Salleh Buang (1996) menegaskan bahawa sesebuah institusi yang di dalamnya terdapat ahli-ahli yang perlukan perlindungan, keselesaan dan keselamatan, kawalan dari aspek perundangan tidak harus diabaikan.

Kesimpulannya, sekolah yang selamat ialah sekolah yang sentiasa berusaha memastikan warganya terhindar daripada segala bahaya dan ancaman yang bersifat fizikal, mental, emosi dan psikologikal yang boleh menggugat keberkesanan proses pendidikan di sekolah. Aspek keselamatan ini pula meliputi struktur fizikal, trafik, makanan, bangunan, padang, kesihatan, disiplin dan tingkah laku.

### **Prinsip-Prinsip Sekolah Selamat**

Quin Mary Magee et.al. (1998) mengemukakan lapan prinsip bagi sekolah yang mempunyai persekitaran selamat dan pembelajaran yang efektif. Prinsip-prinsip tersebut ialah :

#### **(a) Sekolah selamat merupakan urusan semua warga sekolah**

Para pentadbir, staf dan pelajar harus memahami peraturan dan akibatnya. Justeru, langkah pertama ke arah persekitaran yang selamat, bebas daripada dadah dan pembelajaran yang berkesan komitmen menyeluruh di dalam sekolah terhadap tingkah laku yang baik dan mematuhi peraturan amatlah diperlukan.

#### **(b) Sekolah selamat adalah sebuah keluarga**

Para pendidik dan para pelajar merupakan ahli sebuah keluarga. Disiplin dan sokongan terhadap tingkah laku positif dan aktiviti perlulah melibatkan semua kakitangan dan pelajar.

#### **(c) Sekolah selamat merupakan sekolah yang prihatin terhadap nilai dan menghormati semua pelajar**

Sekolah selamat mengwujudkan dan menyokong usaha untuk sentiasa perihatin dan mengenalpasti kepelbagaian keperluan semua pelajar.

#### **(d) Sekolah selamat menetapkan piawaian akademik yang tinggi**

Pelajar yang belajar dengan baik akan berkelakuan baik. Kebanyakan masalah tingkah laku pelajar sebahagiannya berpunca daripada kekecewaan akibat gagal dalam pembelajarannya. Oleh itu jangkaan dan piawai akademik yang tinggi amat perlu dan sekolah juga perlu dan ber sedia membantu pelajar mencapai piawaian tersebut.

#### **(e) Sekolah selamat menetapkan piawai tingkah laku yang tinggi**

Sekolah bukan sahaja menetapkan piawai tingkah laku yang tinggi tetapi juga sentiasa bersedia membantu pelajar mencapai piawaian tersebut. Guru-guru yang terlatih memainkan peranan dengan bantuan dan sokongan pentadbir akan menghasilkan persekitaran yang positif lalu mengwujudkan tingkah laku yang bersesuaian dan membina.

#### **(f) Sekolah selamat adalah mengamalkan pengurusan strategik**

Pihak pengurusan sekolah sentiasa membuat penilaian terhadap keperluan-keperluan, menyedia dan melaksanakan kajian berdasarkan strategi dan menyelaraskan perkhidmatan bagi mengenal pasti keperluan semua pelajar.

#### **(g) Sekolah selamat menggabungkan tiga pendekatan pencegahan**

Pihak sekolah menjalankan usaha-usaha pencegahan secara menyeluruh kepada semua pelajar, program pencegahan awal kepada pelajar-pelajar yang dikenalpasti

mempunyai risiko masalah tingkah laku dan pencegahan secara individu terhadap pelajar yang mengalami masalah tingkah laku yang serius.

**(h) Sekolah selamat mempersepsi sekolah sebagai sebahagian daripada komuniti**

Sekolah melibatkan ibu bapa, pihak agensi kerajaan dan bukan kerajaan, ahli-ahli perniagaan, para remaja, pegawai kebajikan masyarakat dan lain-lain pihak untuk mewujudkan sekolah dan komuniti yang selamat.

Beyer (1997) pula mencadangkan bahawa prinsip-prinsip pelaksanaan sekolah yang selamat adalah seperti berikut:

- (a) Pasukan perancangan sekolah yang selamat sering berkumpul dan berbincang. Tujuannya bagi mengenalpasti masalah dan mewujudkan pasukan kerja yang padu.
- (b) Kelolakan segala penilaian sekolah yang selamat agar segala kekurangan atau halangan yang mungkin timbul dapat diatasi segera. Perubahan yang sesuai perlu diterapkan untuk menambahbaik dan dasar pencegahan lebih berkesan
- (c) Tingkatkan strategi dan implementasikan pencegahan bagi mengelakkan ancaman atau keganasan. Program-program pencegahan perlu disebar luaskan kepada seluruh warga sekolah atau komuniti agar mereka sentiasa peka dengan keselamatan dan mengekalkan keharmonian sekolah. Misalnya, tentang peraturan keluar dan masuk dari sekolah, penggunaan kenderaan ke sekolah dan sebagainya. Begitu juga amalan atau tindak laku yang terpuji dan kurang baik perlu diberitahu kepada warga sekolah.

(d) Kenalkan dan sebarluaskan Pasukan Sokongan Komuniti. Aktiviti-aktiviti atau sumbangan yang dilaksanakan oleh pihak komuniti seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu dimaklumkan kepada masyarakat sekeliling dan warga sekolah. Ini bertujuan supaya sumbangan mereka dihargai dan diperlukan oleh pihak sekolah. Cara ini juga akan menjadikan pelajar-pelajar rasa dihargai dan dilindungi oleh ibu bapa mereka walau pun ketika mereka sedang berada di sekolah.

(e) Tingkatkan pelan tindak balas krisis. Sekiranya perancangan bagi menangani masalah kurang bersesuaian dengan masalah yang timbul, pelan tindakan krisis perlu diubah suai dan ditambahbaik. Tindakan ini bagi menjimatkan masa dan tenaga yang terlibat serta dapat mengawal iklim keselamatan sekolah agar sentiasa terjamin.

(f) Pemantauan yang berterusan oleh penyelia. Pihak pengurusan dan kepemimpinan sekolah semestinya sentiasa memastikan kumpulan keselamatan sekolah sentiasa peka dengan keselamatan sekolah mengikut prosedur yang telah dipiawaikan.

**Mewujudkan Sekolah Yang Lebih Selamat**

Mengikut George Nicholson (1985), untuk mewujudkan sekolah yang selamat kita mestilah mewujudkan sekolah yang berkesan. Terdapat perhubungan yang signifikan antara sekolah yang selamat dengan kecemerlangan dalam pendidikan. Sekolah yang berkesan mestilah selamat dan sebaliknya sekolah yang selamat mestilah merupakan sekolah yang berkesan. Jelasnya asas kepada pembentukan sekolah selamat ialah dengan cara menjadikan sekolah itu efektif. Ciri utama dalam sekolah yang efektif ialah sekolah berkenaan mempunyai iklim yang positif. Ini

bermakna kewujudan sekolah yang selamat akan menjadi kenyataan dengan cara pihak sekolah menggembeling tenaga bagi memastikan iklim di sekolahnya adalah sekolah yang efektif. Eugene Howard (1981) pula menggariskan 6 faktor utama yang menentukan iklim sesebuah sekolah iaitu kepemimpinan, disiplin, keselamatan, ketidakhadiran pelajar, pengurusan konflik dan kurikulum.

Manakala Comer (1998) menyatakan bahawa perancangan sekolah yang selamat adalah rangka kerja tindakan yang boleh digunakan sebagai garis panduan untuk masa kini dan akan datang. Ia menjurus kepada aspek-aspek pencegahan, perlindungan dan keselamatan sekolah daripada elemen-elemen negatif seperti bebas dari dadah, keganasan, ketakutan dan keadaan yang tidak memungkinkan pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar.

Usaha mewujudkan perancangan sekolah yang selamat ini juga adalah satu proses yang panjang, sistematik dan komprehensif. Justeru, untuk mencapai kejayaan yang optimum memerlukan penglibatan semua pihak secara tuntas.

Beberapa pendekatan pencegahan dan kesedaran harus kita sebagai pengetua dan pentadbir sekolah fikirkan supaya sekolah kita terhindar dari gejala-gejala berkenaan. Oleh itu penulis selanjutnya akan menghuraikan beberapa pendekatan yang boleh digunakan oleh pengetua untuk mewujudkan sekolah yang lebih selamat berdasarkan literatur, dapatan kajian dan penyelidikan, pengalaman sebagai guru dan pentadbir di sekolah, insiden dan kes-kes yang melibatkan pelajar, guru dan sekolah yang dilaporkan di media massa.

### **Kepemimpinan yang berkesan**

Faktor ini merupakan elemen terpenting dalam usaha mewujudkan sekolah yang selamat. Pemimpin/pengetua dalam konteks ini perlulah mengamalkan ketelusan, mudah

dihubungi, menggunakan piawai disiplin yang adil, pengharapan yang tinggi terhadap tingkah laku para pelajar dan kaki tangan, inovatif, mengadakan latihan dalam perkhidmatan dan menyediakan ruang untuk kakitangan dan pelajar menyelesaikan masalah dan menghapuskan konflik. (Hussein Mahmood : 1993)

Kepimpinan efektif yang diamalkan oleh pengetua dan pengurus sekolah akan mewujudkan budaya sekolah yang harmonis yang dapat mewujudkan suasana guru dapat mengajar dan murid dapat belajar yang seterusnya menghindarkan elemen-elemen yang boleh menggugat keharmonian dan keselamatan sekolah.

### **Tumpuan kepada pencapaian akademik**

Kita mesti mempercayai bahawa semua pelajar mampu dan boleh mencapai tahap akademik yang baik dan bertingkah laku yang sopan/baik serta dalam masa yang sama mampu menghargai perbezaan antara individu. Kebanyakan kes yang melibatkan keganasan di sekolah seperti membakar bilik/bangunan sekolah didapati kebanyakannya dilakukan oleh pelajar yang kurang menerima sokongan yang diperlukan iaitu dari kalangan pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik. Ini mengakibatkan mereka cenderung bertingkah laku negatif.

Justeru, sebagai pengurus sekolah, prioriti harus ditumpukan kepada usaha untuk meningkatkan pencapaian akademik kepada seluruh pelajar. Pendekatan pengajaran atau kurikulum yang memberi peluang pelajar merasai kejayaan dalam kerjanya akan membibitkan rasa minat mereka terhadap belajar dan sekali gus mengurangkan kekecewaan yang mendorong kepada kekecewaan dan masalah disiplin di kalangan pelajar. (Howard : 1981)

Pihak agensi dan komuniti pula boleh menyumbang dalam bidang ini dalam bentuk sumber kewangan bagi sekolah mengadakan program-program

berkaitan peningkatan prestasi akademik pelajar.

### **Mewujudkan hubungan dengan keluarga dan masyarakat**

Sekolah juga perlu mewujudkan hubungan yang baik, rapat dan telus dengan masyarakat/komuniti sekolah. Ini termasuklah ibu bapa pelajar, masyarakat sekitar sekolah, polis, pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan. Hubungan yang baik dan intim dengan rangkaian komuniti sekolah ini merupakan aset dan sumber yang amat berharga kepada sekolah. Apabila jalinan pertalian ini semakin lemah, risiko keganasan akan semakin bertambah dan peluang untuk membantu pelajar yang berisiko tinggi akan semakin menurun. Contohnya, hubungan yang baik dengan masyarakat dan pihak polis dapat membantu sekolah mengurangkan kes-kes yang melibatkan pelanggaran disiplin dan keselamatan sekolah.

Pihak sekolah juga boleh mendapatkan kerjasama daripada pihak polis, RELA dan ibu bapa untuk membuat rondaan di kawasan-kawasan yang difikirkan berisiko dari segi keselamatan. Dalam hal ini sekolah harus memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga mengenai perkembangan persekolahan seperti penggal persekolahan, jadual waktu sekolah, dan jadual lain-lain aktiviti yang melibatkan penyertaan pelajar-pelajar termasuk hari cuti dan perubahan masa persekolahan.

### **Menekankan perhubungan yang positif antara pelajar dan staf**

Hubungan yang baik antara guru dengan pelajar perlu dipupuk, disubur dan dijadikan sebagai amalan untuk mewujudkan iklim sekolah yang selamat. Siasatan polis terhadap kes keganasan seperti membakar bilik guru disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 19, Shah Alam oleh pelajar yang

didapati bermotifkan balas dendam (Utusan Malaysia : 29 Mei 2000) merupakan realiti yang harus difikirkan oleh pihak sekolah.

Malah banyak literatur mendapati bahawa perhubungan pelajar dengan orang dewasa di sekolah yang bersedia memberikan sokongan apabila diperlukan adalah satu daripada faktor kritikal dalam pencegahan keganasan pelajar. (Robert Watson : 1995) Pelajar biasanya akan sering merujuk kepada orang dewasa atau guru di sekolah untuk mendapatkan bimbingan, bantuan, sokongan dan panduan.

### **Membincangkan isu keselamatan secara terbuka**

Pihak sekolah boleh mendidik pelajar perihal pentingnya keselamatan di sekolah yang perlu dikongsi bersama. Penekanan tentang aspek keselamatan diri pelajar boleh dilakukan melalui pengajaran, peraturan, latihan, bimbingan dan amalan-amalan di sekolah. Berbagai program boleh dijalankan seperti ceramah, pameran, demonstrasi dan lain-lain aktiviti yang boleh diadakan dari masa ke semasa untuk membantu memberi kefahaman dan kesedaran pelajar mengenai keselamatan sekolah.

Selain itu langkah mempamerkan poster dan peraturan mengenai keselamatan bagi meningkatkan kepekaan dan kesedaran pelajar tentang pentingnya amalan dan sikap sentiasa berhati-hati dan berwaspada apabila dalam perjalanan pergi dan balik dari sekolah boleh dilaksanakan. Aktiviti latihan kebakaran sekurang-kurangnya 2 kali setahun mesti dilaksanakan.

Selain itu pengetua juga mesti menggunakan apa sahaja ruang seperti perhimpunan mingguan, pemakluman oleh guru tingkatan, guru darjah dan warden asrama, mesyuarat staf, mesyuarat pengawas dan seumpamanya sebagai saluran bagi memperingatkan semua warga sekolah tentang pentingnya menjaga keselamatan dan kebajikan diri masing-masing.

### **Layanan sama rata dan budaya `caring` kepada pelajar**

Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada konflik di sekolah adalah kerana layanan yang tidak adil kepada pelajar berdasarkan jantina, ras, kebolehan, kelas sosial, agama, orientasi seks, penampilan fizikal dan lain-lain faktor oleh guru dan rakan sebaya. Oleh itu pelajar yang menerima layanan yang sedemikian akan menjauhkan diri dan cenderung menjadi sasaran kepada keganasan. Oleh itu komunikasi berkesan haruslah dipentingkan dan menganggap semua pelajar dan guru dihormati.

Sehubungan dengan itu usaha-usaha yang boleh dijalankan ialah mengimplimentasikan dan menerapkan elemen-elemen pemberian ganjaran, pemupukan dan penyuburan nilai-nilai murni, hak untuk membela diri dalam kes-kes disiplin, rasionaliti dalam mengambil tindakan, konsep penyayang, menganggap semua pelajar berpotensi untuk berjaya, dan menganggap sekolah sebagai syurga kehidupan pelajar dalam semua aspek pelaksanaan aktiviti persekolahan. Budaya `caring` perlu dijadikan sebagai satu amalan yang berterusan di kalangan warga sekolah. Anak didik yang sentiasa disayangi dan diberi perhatian serta layanan yang sewajarnya sebagai seorang insan. Secara tidak langsung kita dapat mewujudkan ciri-ciri iklim persekolahan positif yang akhirnya membawa kepada sekolah yang selamat dan efektif.

### **Kawalan keluar masuk sekolah**

Sekolah juga boleh mewujudkan suatu sistem kawalan rekod yang kemas kini mengenai pergerakan keluar masuk orang-orang awam ke dalam kawasan sekolah termasuk kebenaran yang diberikan kepada ibu bapa dan penjaga

untuk membawa murid keluar ketika dalam persekolahan.

Oleh itu pengawal keselamatan yang bertugas 24 jam dan pondok keselamatan perlu diwujudkan untuk memudahkan proses kawalan ini. Masalah menyediakan pengawal keselamatan 24 jam sebagai langkah keselamatan ini boleh diwujudkan dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Giri (PIBG) sekolah.

Selain itu jumlah penggunaan pintu masuk dan keluar juga perlu diminimalkan. Kemasukan hanya dibataskan kepada individu yang mempunyai urusan dengan pihak sekolah.

Prosedur yang spesifik ke atas pelawat juga boleh diwujudkan untuk mengesan pelawat atau penceroboh. Papan tanda yang mengarahkan seseorang pelawat ke pejabat perlu diletakkan di tempat yang strategik, lokasi yang mudah nampak, besar serta boleh menarik perhatian pelawat. Pelawat pula dikehendaki merekodkan lawatan mereka di pejabat sekolah dengan menyatakan tujuan lawatan dan menunjukkan pas lawatan yang dibekalkan oleh pengawal keselamatan di pondok keselamatan. Tindakan ini dirasakan dapat mengawal pergerakan orang yang tidak dikenali di dalam kawasan sekolah dan akan memudahkan pihak pentadbiran sekolah atau polis mengesan pihak yang bertanggungjawab jika sesuatu berlaku. Selain itu semua warga sekolah dinasihatkan menegur dan menyapa pelawat atau sebarang orang yang tidak dikenali dengan membawa mereka ke pejabat sekolah untuk memastikan mereka mempunyai urusan rasmi di sekolah

### **Menyediakan prasarana dan kawasan yang selamat**

Sekolah boleh menyediakan tempat berkumpul yang selamat dan terkawal bagi pelajar-pelajar yang sampai awal pada awal pagi sebelum permulaan kelas dan pelajar-pelajar yang menunggu kenderaan untuk pulang di sebelah petang selepas sesi persekolahan.

Selain itu usaha-usaha perlu dilakukan untuk membersihkan semak samun kawasan, laluan dan jalan yang digunakan seharian oleh pelajar-pelajar supaya lebih terbuka dan selamat. Dengan cara ini dapat menghindarkan daripada berlakunya kes-kes pencolekan pelajar. Kes-kes yang pernah berlaku seperti pencolekan Tin Seong Sheng, pelajar tahun satu ketika pulang dari sekolah di Klang, pencolekan Desrinaldi Gifni, 11 tahun yang didapati hilang ketika dalam perjalanan pulang dari sekolah di Taman Cuepacs, Kuala Lumpur dan pencolekan M. Anne, 12 tahun yang dipercayai dicolek ketika berada di kawasan sekolah. (Berita Harian, 4 Januari 1996) Yang paling menyedihkan ialah kejadian yang menimpa Audrey Melissa Bathinathan, 17 tahun yang diserang, dirogol kemudian dibunuh ketika dalam perjalanan ke sekolah melalui kawasan sunyi kira-kira 300 meter dari sekolah di Kuala Lumpur. (Utusan Malaysia, 16 Disember 1999) Ekoran itu ibu Audray telah menyaman Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist dan kerajaan Malaysia kerana didakwa gagal atau cuai bagi memastikan keselamatan Audrey semasa datang dan balik dari sekolah, gagal mengambil langkah-langkah pencegahan keselamatan yang berkesan.

Usaha untuk memastikan keselamatan sekolah haruslah menumpukan kepada kawalan dalaman dan luaran sekolah. Kawalan terhadap bangunan melibatkan tindakan-tindakan mengawal pergerakan pelajar di antara bangunan, melakukan penyeliaan berterusan, dan menyediakan sisten kawalan terhadap khabar angin di dalam kawasan sekolah. (Howard : 1981)

Selain itu, kawalan luaran sekolah pula melibatkan penyediaan pagar di sekeliling sekolah, mengawal laluan keluar masuk sekolah dan memastikan risiko berlakunya kemalangan akibat unsur-unsur lanskap seperti pokok tumbang atau pondok bacaan runtuh dan sebagainya. Di samping itu pemagaran seluruh kawasan sekolah perlu untuk

mempastikan seluruh kawasan sekolah terhindar daripada sebarang ancaman dan pencerobohan. Selain daripada itu perhatian juga perlu ditumpukan kepada aspek peralatan seperti tingkap, pintu, pagar, lampu dan kipas di dalam bilik darjah.

Justeru pengetua dan sekolah bukan sahaja perlu memastikan seluruh kawasan dalam sekolah dan laluan berhampiran kawasan sekolah selamat untuk digunakan oleh pelajar tetapi juga memastikan kewajipan berhati-hati (*duty of care*) terhadap keselamatan pelajar pergi dan balik dari sekolah dilaksanakan.

### **Menyediakan sistem & prosedur keselamatan pelajar dan sekolah**

Prosedur keselamatan adalah penting bagi setiap sekolah. Oleh itu antara perkara yang boleh dilaksanakan ialah melalui bantuan penguasa keselamatan. Pihak polis boleh membantu mewujudkan sekolah selamat dengan melakukan rondaan berjadual di kawasan sekolah, dan memberikan ceramah berkaitan hal-hal keselamatan kepada warga sekolah. Pihak komuniti pula dapat memainkan peranan dengan menjadi sukarelawan mengawasi tingkah laku pelajar. Contohnya pasukan rela dan ahli-ahli PIBG membantu penyeliaan semasa pelajar mengikuti kelas tambahan dan aktiviti ko-kurikulum.

Langkah lain yang boleh dilaksanakan ialah memperkenalkan sistem berteman yang tidak menggalakkan pelajar-pelajar berseorangan ketika pergi dan balik sekolah atau berada di tempat-tempat yang sunyi dan terselindung di sekolah tanpa pengetahuan sesiapa.

Peraturan sedia ada yang tidak membenarkan orang luar (pelawat) memasuki kawasan sekolah dan bertemu dengan pelajar tanpa kebenaran pengetua perlulah dikekalkan dan dipatuhi oleh pengetua. Kawalan seperti ini memang dianggap agak ketat tetapi amat penting untuk mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan seperti kejadian lelaki yang

dikenali sebagai Ng Teck Ker, 43 tahun mengamuk di perkarangan Sekolah Menengah Kebangsaan Yoke Kuan hingga menyebabkan 6 orang pelajar parah kerana ditetak dengan parang (Berita Buletin Utama TV3 Online: 24 September 1999).

Bagi meningkatkan lagi keselamatan di sekolah talian bantuan kecemasan yang menghubungkan sekolah dengan Balai Polis, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat dan hospital berhampiran juga perlu diwujudkan seperti mana yang dilakukan oleh bank-bank perdagangan.

Pengawal keselamatan pula perlulah diperluaskan waktu bekerja kepada 24 jam dan fungsi tugasnya diperluaskan daripada hanya menjaga bangunan kepada turut membantu pentadbiran sekolah menjaga keselamatan guru dan pelajar. Selain itu pihak sekolah melalui pengawal keselamatan hendaklah mengawasi dengan kerap kawasan-kawasan dalam sempadan sekolah yang terselindung, tersembunyi atau gelap dan jika sesuai menjadikannya sebagai kawasan larangan kepada pelajar-pelajar.

Usaha pencegahan kebakaran juga perlu ditingkatkan. Surat Pekeliling Ikhtisas mengenainya perlu dipatuhi. Antaranya sekolah mesti mempunyai sistem loceng kecemasan, pelan pencegahan kebakaran, alatan penyembur api dan sebagainya. Roland Stephen (1996) mencadangkan supaya pengurusan sekolah menjalankan program latihan kebakaran sekurang-kurangnya 3 kali setahun.

Piawai keselamatan bagi aktiviti yang melibatkan lawatan juga perlu diberikan perhatian (David G. Kibble : 2000). Tujuannya adalah untuk mengelakkan kejadian berisiko yang tidak diingini seperti kemalangan jalan raya, mati lemas, hilang dan sebagainya.

Dalam konteks sistem persekolahan kita, garis panduan lengkap mengenainya telah dimaktubkan dalam

"*The School (Tours) Regulations 1959*" dan surat pekeliling, Kementerian Pelajaran Malaysia, bil. KP 8592/L bertarikh 12 Julai 1966. Antara langkah-langkah keselamatan yang mesti dilaksanakan ialah memastikan pelajar dilindungi insuran 24 jam, kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan ibu bapa, guru pengiring, guru penyelamat (aktiviti hutan, mendaki gunung dan tepi laut), peraturan khusus yang perlu dipatuhi dan pengangkutan yang selamat.

### **Pernyataan misi dan peraturan sekolah yang mengutamakan keselamatan**

Komponen pengurusan sekolah selalunya bermula dengan mewujudkan pernyataan misi sekolah yang meliputi matlamat dan objektif sekolah. Justeru misi sekolah juga seharusnya memasukkan elemen keselamatan sekolah, pelajar dan guru. (National Educational Association: 1996) Ini penting supaya amalan pengurusan sekolah baik dalam pelaksanaan kurikulum, ko-kurikulum, disiplin dan lain-lain mengambilkira keselamatan sebagai indikator piawai keberkesannya. Contohnya, guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) perlu menjaga keselamatan pelajar dengan rapi semasa di dalam dan di luar bilik darjah. Justeru, tidak akan timbul insiden-insiden seperti kes Khairul Rohaidy Mohd. Noor seorang pelajar sekolah menengah di Raub, Pahang mati kerana ditimpa tiang gol pada tahun 1999 (Berita Harian, 1999)

Selain itu sebagai pengetua kita perlu menjadikan peraturan mengenai keselamatan sebagai sebahagian daripada Peraturan Sekolah yang perlu difahami dan dipatuhi oleh semua pihak termasuk guru-guru, pekerja-pekerja dan ibu bapa. Pelaksanaan mengenai peraturan keselamatan di sekolah perlu dijalankan secara tegas dan berterusan. Ini meliputi peraturan keselamatan dalam aktiviti sukan dan ko-kurikulum, peraturan di bangunan sekolah seperti bilik darjah, bengkel dan makmal, disiplin murid, lawatan dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar. Kes Mohd. Raihan Ibrahim Iwn Hau Kan Yong dan Kerajaan

Malaysia di Mahkamah Rayuan Persekutuan, Kuala Lumpur pada tahun 1980 memberikan ikhtibar bahawa guru dan sekolah mesti mewujudkan, menguatkuasakan peraturan dan langkah keselamatan serta penyeliaan yang rapi dilakukan dalam semua aktiviti pendidikan yang melibatkan pelajar. Dalam kes berkenaan Hau Kan Yong, guru Sains Pertanian didapati telah menyebabkan plaintif mengalami kecederaan kerana terkena cangkul yang digunakan oleh rakannya di kepala sedalam 2 1/2 inci semasa aktiviti pendidikan Sains Pertanian. Guru telah memastikan peraturan yang ada dipatuhi tetapi gagal membuat penyeliaan yang rapi tentang keselamatan pelajar semasa aktiviti berkenaan dijalankan sehingga berlaku insiden berkenaan berlaku. (CLJ 228 : 1982)

Oleh itu sebagai pengetua kita perlu memastikan semua dokumen mengenai pekeliling berkaitan, undang-undang, akta yang dikeluarkan oleh pihak berwajib seperti Surat Pekeliling Ikhtisas, Kementerian Pendidikan Malaysia, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Pekeliling Perkhidmatan, surat-surat siaran dari Bahagian Sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri, Akta Pendidikan 1996, Buku Panduan Disiplin dan lain-lain disimpan, didedahkan kepada semua guru dan pelajar serta difahami dengan jelas oleh semua pihak yang terlibat di sekolah. Dengan cara ini semua pihak di sekolah melaksanakan pengurusan dan aktiviti pendidikan dengan berpandukan garis panduan, prosedur, peraturan, peringatan dan makluman yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Mewujud dan memanfaatkan jawatankuasa sokongan sekolah**

Sekolah yang selamat memerlukan penglibatan komuniti. (George Nicholson : 1985) Justeru sekolah perlu menubuh dan memanfaatkan sepenuhnya penubuhan Jawatankuasa Permuafakatan Sekolah, Jawatankuasa Keselamatan Sekolah atau PIBG dalam merancang langkah-langkah

keselamatan pelajar. Contohnya, Briged Komuniti yang telah ditubuhkan di sekolah-sekolah di Johor sejak tahun 1991 yang dianggotai oleh wakil-wakil komuniti seperti PIBG, RELA, Polis, Pejabat Kesihatan, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan kampung (JKKK), Pemadam, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berfungsi antaranya untuk membantu pihak sekolah menangani masalah disiplin dan mempertingkatkan aspek keselamatan sekolah wajar diteruskan dan diperluaskan perannya. Modus operandi jawatankuasa ini boleh difokuskan kepada usaha-usaha untuk mencegah, memulih dan mempertingkatkan aspek keselamatan di sekolah melalui ceramah, kaunseling, penyediaan prasarana dan sebagainya.

Selain itu pentadbiran sekolah boleh mendapatkan kerjasama daripada pihak polis dan ibu bapa untuk membuat rondaan di kawasan-kawasan yang difikirkan berisiko dari segi keselamatan. Kewujudan Pegawai Perhubungan Sekolah dari kalangan anggota polis di setiap sekolah boleh dimanfaatkan. Pelbagai program boleh diatur dengan pihak polis untuk meningkatkan disiplin dan keselamatan di sekolah.

Selain itu pengetua perlu memastikan sekolah di bawah pentadbirannya menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah seperti yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Surat Pekeliling Ikhtisas bil.7/1999. Melaluinya setiap sekolah disarankan menubuhkan kelab berkenaan untuk membangkitkan kesedaran dan kepekaan pelajar-pelajar mengenai kemungkinan berlakunya perbuatan jenayah yang boleh mengancam keselamatan di sekolah dan langkah-langkah mencegahnya. Melalui penubuhan kelab ini hubungan kerjasama antara sekolah dan pihak polis dapat dijalin untuk membanteras perbuatan jenayah seperti gengsterisme sama ada di dalam atau di luar sekolah (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1999)

## **Mewujudkan sistem pelaporan dan aduan**

Sebagai pentadbir sekolah kita juga perlu mewujudkan tatacara yang jelas mengenai cara membuat pelaporan tentang insiden atau orang-orang yang berniat jahat. Oleh itu sistem aduan dalaman boleh diwujudkan untuk memberi peluang kepada warga sekolah seperti guru, staf sokongan dan pelajar selain masyarakat luar sekolah untuk membuat aduan, komen, dan pandangan-pandangan mengenai sekolah kita. Maklumat-maklumat yang diperolehi boleh dijadikan panduan untuk menambah baik lagi pengurusan aktiviti-aktiviti yang melibatkan sekolah. Dengan cara ini peranan untuk mewujudkan sekolah yang selamat bukan sahaja dimainkan oleh pengetua dan guru tetapi juga ahli komuniti yang mahu melihat sekolah sebagai institusi sosial yang berkesan.

## **Mempertingkatkan mutu disiplin**

Disiplin dalam darjah penting bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Oleh itu disiplin dalam bilik darjah yang konstruktif akan dapat mempengaruhi para pelajar berasa bertanggung jawab terhadap setiap tingkah lakunya. Keadaan ini akan lebih berkesan apabila para pelajar telah menerima struktur peraturan / disiplin sekolah sebagai suatu undang-undang dan bukannya semata-mata mesti dipatuhi kerana dikuatkuasakan oleh pihak pentadbir sekolah.

Guru-guru, pelajar-pelajar dan komuniti boleh memainkan peranan dengan cara mengambil bahagian dalam pelbagai program pengukuhan disiplin di sekolah. Melalui cara ini akan tertanam rasa kepunyaan terhadap program tersebut lantas membangkitkan komitmen untuk berusaha bersungguh-sungguh menjayakan program tersebut. Antaranya ialah membina peraturan sekolah, mendapatkan penerimaan secara rasmi terhadap peraturan tersebut daripada ibu bapa dan pelajar, menguatkuasakan peraturan-peraturan berkaitan salah laku dengan tepat dan adil, membentuk jawatan kuasa disiplin dan salah laku

yang melibatkan pelajar sebagai ahli, melibatkan tenaga pakar dalam bidang pengurusan tingkah laku dan disiplin dalam aktiviti pembangunan staf bagi memastikan guru-guru dapat mengawal kelasnya dengan berkesan, membina polisi dan prosedur hubungan dengan agensi-agensi berkaitan seperti balai polis dan jabatan bomba bagi menangani salah laku yang pelajar lakukan.

Ketidakhadiran pelajar khususnya yang melibatkan kes ponteng yang serius juga perlu ditangani dengan sewajarnya kerana ia boleh memberi impak langsung dalam pencapaian pelajar dan merendahkan self-esteemnya. Keadaan ini perlu dikawal kerana ia boleh membawa kepada kejadian salah laku disekolah. Bermula dengan kegagalan akademik, rasa rendah diri, kecewa dan hilang minat terhadap belajar akan mendorong pelajar bersikap agresif dan merosakkan harta awam. (Glasser : 1969)

Untuk menanganinya pengurusan sekolah selain meningkatkannya menerusi prosedur yang ada boleh mendapatkan bantuan komuniti. Komuniti boleh memainkan peranan sebagai 'mata-mata' sekolah dengan menghubungi pihak polis atau sekolah bagi melaporkan pelajar yang ponteng sekolah. Program sekolah angkat boleh dilaksanakan dengan agensi-agensi atau syarikat-syarikat setempat bagi melengkapkan peralatan atau mengindahkan persekitaran sekolah. Apabila disiplin pelajar berada dalam keadaan yang cukup baik, keselamatan sekolah juga akan turut terjamin.

## ***Administrative Guide* sebagai panduan dalam pengurusan sekolah**

Dalam konteks ini pengetua boleh mewujudkan dan mengamalkan '*administrative guide*' yang menekankan keselamatan sekolah dalam mengurus sekolah. '*Administrative guide*' ini boleh diwujudkan berdasarkan peraturan-peraturan yang ada di sekolah, dokumen-dokumen rasmi dari Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Surat Pekeliling Ikhtisas, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Pekeliling Perkhidmatan,

Fail Meja, Manual Prosedur Kerja, Arahan Perbendaharaan, surat-surat siaran dan panduan-panduan yang dikeluarkan berkaitan disiplin dan sebagainya. Dengan cara ini pengetua mampu mengurus sekolah dengan lebih sistematik berkesan.

*Administrative guide* ini bukan sahaja perlu difahami dan dihayati oleh pengetua selaku ketua jabatan di sekolah tetapi juga oleh semua guru yang terlibat dalam tugas mengikut bidang masing-masing. Contohnya, guru penyelarasan keselamatan dan kebakaran sekolah mempunyai *administrative guide* mengenai langkah-langkah keselamatan dan pencegahan kebakaran di sekolah. Dengan cara ini guru akan melaksanakan tugas berpandukan kepada *administrative guide* yang ada untuk mengelakkan wujudnya masalah-masalah yang berkaitan dengan tugasnya.

### Implikasi 'safe school'

Carolyn (1998) menggariskan beberapa implikasi yang dapat dilihat sekiranya sekolah yang selamat dapat diwujudkan. Antaranya ialah:

- Misi, visi dan matlamat sekolah jelas kepada seluruh warga sekolah.
- Iklim pembelajaran wujud dan penumpuan utama sekolah ialah kepada peningkatan potensi pelanggan yang sentiasa berurusan.
- Hubungan interpersonal antara guru - pelajar- ibu bapa - pengetua - staff berjalan secara telus dan saling mempercayai.
- Komuniti akan merasai kepunyaan terhadap sekolah.
- Kualiti dan standard pelajar sentiasa pada tahap yang tinggi.
- Masalah sekolah akan diselesaikan secara kolaboratif.
- 'Team work' akan terbina dengan harmoni dan bekerja secara proaktif.
- Kepakaran staf sentiasa berkembang secara berterusan.
- Perkhidmatan berteraskan kualiti dan penuh mesra.
- Peraturan dan interaksi dijadikan landasan melaksanakan tanggungjawab.
- Kecuaian dapat dielakkan dan komitmen bekerja sentiasa tinggi.

Selain itu apabila sekolah yang selamat dapat diwujudkan di negara ini, usaha untuk menjadikan semua sekolah sebagai sekolah yang berkesan akan mudah terlaksana.

### Kesimpulan

Rumusannya, untuk mewujudkan sekolah yang lebih selamat, usaha-usaha secara bersepadu perlu dilaksanakan bukan sahaja oleh pengetua sebagai pengurus sekolah tetapi juga seluruh warga sekolah termasuk guru, pelajar, ibu bapa, dan PIBG, pihak berkuasa kementerian pendidikan dan ahli komuniti termasuk pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan. Strategi perancangan dan pelaksanaannya juga perlu dilakukan dalam proses yang berterusan tidak kira elemen-elemen yang menggugat keselamatan berkenaan sudah wujud atau belum di sekolah kita.

### Bibliografi :

Abdul Malik Abdul Manan, (17 Jun 2000). Laksana Konsep pengurusan Objektif. Akhbar Utusan Malaysia (Edisi On-Line). <http://www.utusan.com.my>

Akhbar Utusan Malaysia (Edisi On-Line). 5 Jun 2000. "Sekolah di Bakar Lagi". <http://www.utusan.com.my>

Akhbar Utusan Malaysia (Edisi On-Line). 29 Mei 2000. "Sekolah dan Permasalahan". <http://www.utusan.com.my>

Akhbar Utusan Malaysia (Edisi On-Line). 16 Disember 1999. "Pembunuhan Melissa : Ibu Saman Kerajaan". <http://www.utusan.com.my>

Akhbar Utusan Malaysia (Edisi On-Line). 15 Julai 1998. "Sekolah Aminuddin Baki Terbakar". <http://www.utusan.com.my>

Akhbar Berita Harian (Edisi On-Line). 4 Januari 1996. "Isu-Isu Sekolah Yang Belum Selesai". <http://www.emedia.com.my>

Azrina Ahzan. (1999) "Langkah Memperkukuh Keselamatan Sekolah". Berita Minggu 11 Jun 1999. Hlm. 4.

- Beyer, D. (1997) School Safety and The Legal Rights of Students. No. 121, May 1997. (Bahan dari Internet) <http://eric-web.tc.columbia.edu/digest/dig121.html>
- Bulletin TV3 Online. 24 Sept. 1999. "Sekolah Bolos Lagi". <http://www.tv3.com.my>
- Carolyn R. Pool (1998) A Safe and Caring Place. Jurnal Association for Supervision and Curriculum Developmental. Vol. 21, 1998
- Comer, J.P. (1998). Model of The School Development Program Success. New Haven, CT : Comer School Development Programme, Yale Child Study Center.
- David G. Kibble. (2000). "Keeping Pupils Safe and Staff Secure : Preventing and being prepared for crisis in school". Journal of The College of Teachers. Vol. 50, number 1, March 2000. Guanna Litho, Loughborough, Leicester UK.
- Dick Young. (1999). School, Safety and Our Children. Sumber Internet : <http://www.aasa.org/LN/misc/4-22-99young.htm>
- Dwyer, K., Osher, D., and Warger, C. (1998). Early Warning, Timely Response : A Guide to Safe Schools. Washington, DC : US Department of Education. <http://www.ed.gov/offices/OSERS/OSEP/earlywrn.html>
- Eckman E., "Safeguarding Our Schools". (1998, Sept). Education Update. Vol. 40, Number 6. <http://www.ascd.org/safeschools/se98eu06.html>
- Glasser, W. (1969) School Without Failure. New York : Harper & Row Publishers.
- Haslina Hassan. (2000). " Gejala Gangsterisme Di Kalangan Pelajar : Fenomena Yang Meresahkan". Dewan Masyarakat. Jun 2000, Dewan Bahasa Dan Pustaka : Kuala Lumpur. Hlm. 14-16.
- Haslina Hassan. (2000). " Menghindari Sekolah Menjadi Pusat Aktiviti Geng". Dewan Masyarakat. Jun 2000, Dewan Bahasa Dan Pustaka : Kuala Lumpur. Hlm. 24-27.
- Hussein Mahmood (1993). Kepemimpinan dan Keberkesanan Sekolah. Kuala Lumpur : DBP.
- Kate Stetzner. (1999, June). "How Safe Are Your Schools?". AASA. <http://www.aasa.orang/SA/june9902.htm>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1988 bertarikh 1 MAC 1988. Keselamatan Diri Pelajar Di Sekolah
- Kementerian Pendidikan Malaysia . Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1995. Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Serta Kegiatan korelasi Kurikulum Di Dalam dan di Luar Sekolah
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1999. Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah Di Sekolah Menengah
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1988. Keselamatan Diri Pelajar di Sekolah
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1999. Keselamatan Diri Pelajar Dalam Perjalanan Pergi dan Balik Sekolah
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2000.
- Lee Lam Thye. (1999). Menangani Masalah Disiplin Pelajar. Sumber Internet. <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/budaya99/db09pers.htm>
- McPartland J., Jordan W., & Balfanz R. (1997, October) "Finding Safety in Small Numbers", Educational Leadership, Volume 55, No. 2. <http://www.ascd.org/safeschools/el19710/mcparta>.

Mohd. Raihan Lwn Hau Kan Yong (1980).  
CLJ228.

*The Education (Tours) Regulations 1959.*

National Education Association. (1996). Safe School Manual. NEA : United States.

Zazlin Zahira Vs. Louis Marie [1994] 4 CLJ  
637

Nicholson G., Stephens R., & Leavitt V.  
(1985, March). "Safe Schools : You Can't Do  
It Alone", Phi Delta Kappan, Volume 66,  
Number 7, pg. 491-496.

Quinn, Mary Magee. et. al. (1998) Safe, Drug-  
Free, and Effective Schools for All Students :  
What Works! ERIC ED430364 (mikrofis)

Robert Watson. (1995). "School Reform :  
What We've Learned" Prevention. A Guide to  
Violence. ASCD Volume 52, Number 5,  
February 1995. <http://www.ascd/vio.876.html>

Ronald D. Stephens. (1996, February). "The  
Art of Safe School Planning : 40 Ways to  
Manage and Control Student Disruptions".  
AASA. Number 2, Volume 53.  
<http://www.aasa.orang/SA/feb9601.htm>

Salleh Buang (1996) Sejarah Undang-Undang  
Malaysia : Kes dan Material. Kuala Lumpur :  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

School Guide for State of California. The Safe  
School Challenge. California, Sacramento,  
USA.

Sharifah Md.Nor (2000) Keberkesanan  
Sekolah : Satu Perspektif Sosiologi. Serdang:  
Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Sherman Joyce. (2000). "*Keeping Schools  
From Being Sued*" . The Educational Digest.  
Volume 65, Number 8, April 2000.

Stephens, R.D. (1998). Safe School Planning.  
In D.S. Elliot, B. Hamburg, & K. R.  
Williams(Editors), *Violence in American  
Schools : A New Perspective*, (pp.253-289).  
New York, NY : Cambridge University Press.  
<http://www.Colorado.EDU/cspv/safeschools/Default.htm>

Surat Pekeliling, Kementerian Pelajaran  
Malaysia. Bil. 8592/L bertarikh 12 Julai 1966.

*The Education (School Discipline) Regulations  
1959.*